

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 19 OGOS 2016 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	MOSTI komited jadikan IoT industri utama	Berita Harian
2	MOSTI committed to transforming iot as key enabler for new economy	Bernamea.com
3	Bazar inovasi akar umbi	Utusan Malaysia
4	EPSK'16 mulakan pelayaran	Utusan Malaysia
5	2016 National Scientific Expeditionary Voyage Sets Sail Today	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5  
TARIKH: 16 OGOS 2016 (JUMAAT)

# MOSTI komited jadikan IoT industri utama

➔ Pelaksanaan di semua sektor ekonomi pacu pasaran eksport

**K**ementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dalam usaha menjadikan Internet of Things (IoT) iaitu teknologi membolehkan benda-benda di sekeliling berinteraksi menerusi jaringan seperti internet, sebagai industri utama.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau, berkata IoT akan menjadi pengubah teras bagi ekonomi baharu Malaysia selain evolusi internet seterusnya bagi kemudahan penyebaran maklumat serta pengetahuan lebih menyeluruh.

Katanya, langkah itu sejajar peranan IoT untuk terus mentransformasikan masyarakat serta ekonomi.

"Sehubungan itu, MOSTI komited untuk menjadikan IoT sebagai industri utama dan mengusahakan pelaksanaannya di semua sektor ekonomi strategik serta peringkat masyarakat.

"Platform ini akan turut membantu menerajui Malaysia memasuki revolusi industri keempat yang mana teknologi IoT ini memberi

nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan berkaitan.

"Antara contohnya seperti eksport durian Musang King ke China menggunakan teknologi Mi-Trace bagi membolehkan maklumat dikesan menerusi kod QR (respon pantas)," katanya pada sidang media selepas melancarkan Forum Inovasi IoT ASEAN bersempena Minggu MyIoT di Kuala Lumpur, semalam.

#### Empat segmen pasaran

Mengulas lanjut, Madius berkata, dalam usaha melonjakkan amalan IoT di negara ini, kerajaan juga sudah mengenal pasti empat segmen pasaran iaitu pertanian, penjagaan kesihatan, pembuatan serta pengangkutan.

Usaha strategi dan galakan secara aktif bagi ekosistem IoT menerusi pelbagai agensi kerajaan juga dilihat dapat memacu permintaan dan memperluaskan pasarannya melangkaui Malaysia.

"Ekosistem IoT Malaysia akan berperanan sebagai rakan IoT



**MOSTI komited menjadikan IoT sebagai industri utama dan mengusahakan pelaksanaannya di semua sektor ekonomi strategik serta peringkat masyarakat"**

**Madius Tangau,**  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

dunia dengan nilai tambah tinggi bagi mewujudkan sumber ekonomi baharu negara," katanya.

#### Pembangunan teknologi

Pada majlis itu, Madius turut melancarkan 'MIMOS Internet Services of Things' (Mi-MIST) iaitu platform inovasi terbuka diwujudkan bagi pembangunan teknologi berasaskan IoT.

"Mi-MIST akan berperanan penting memberi kemudahan bagi penyepaduan aktiviti, tidak hanya di peringkat negara tetapi juga serantau," katanya.

Mi-MIST adalah platform pemboleh aplikasi lazim dengan perkhidmatan integrasi untuk mengurus dan kesalinghubungan peranti pintar dan pengesan bagi kemudahan aplikasi dalam penyelesaian IoT.

Sehubungan itu, Madius turut menggesa lebih banyak inisiatif pengubah strategi untuk pembangunan masa depan bagi memastikan daya saing industri IoT di persada global.

BERNAMA +

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 19 OGOS 2016 (JUMAAT)



## **MOSTI Committed To Transforming IoT As Key Enabler For New Economy**

KUALA LUMPUR, Aug 18 (Bernama) -- **The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** is committed to transforming the Internet of Things (IoT) into a mainstream industry, its minister, **Datuk Seri Madius Tangau** said.

IoT will be a key enabler for the country's new economy besides the next evolution of the Internet that facilitates greater distribution of information and knowledge, he said.

# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 25 TARIKH: 16 OGOS 2016 (JUMAAT)

## Bazar inovasi akar umbi

**B**AGI mencapai status sebuah negara maju, Malaysia perlu terus membangun dengan pantas serta memiliki penjana sumber ekonomi yang kukuh.

Untuk tujuan tersebut, negara perlu berubah daripada sebuah negara pengguna kepada sebuah negara pengeluar agar ekonomi dapat berkembang dengan lebih cepat.

Menjadi sebuah negara pengeluar bukanlah mudah kerana Malaysia memerlukan produk-produk yang berdaya saing serta dapat memenuhi kehendak masyarakat dunia.

Justeru, penciptaan produk serta teknologi baharu merupakan antara tumpuan yang diberikan oleh kerajaan buat masa ini.

Menurut Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**, kerajaan kini sedang berusaha gigih untuk merubah Malaysia ke arah sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Jelasnya, demi mencapai misi tersebut bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) merupakan antara faktor penting dalam

memastikan usaha tersebut berjaya dilaksanakan. "Dijangkakan menjelang tahun 2020 rakyat negara ini akan menjadi lebih kreatif dan inovatif tidak hanya kepada pengguna teknologi malah mereka yang menyumbang kepada kemajuan teknologi dan inovasi kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis prapelancongan Bazar Inovasi dan Forum bertajuk *Pasaran Dinamik Untuk Usahawan Inovatif dan Idea Kreatif* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia (SME Corp), Saifol Bahri Shamlan dan Presiden Persatuan Kreatif dan Inovasi Malaysia (Macri), Datuk Shaik Sulaiman Ismail.

Idea serta penghasilan produk-produk baharu yang lebih inovatif dan kreatif terus mendapat perhatian MOSTI, justeru pelbagai program dan aktiviti sedang galak dilaksanakan selain turut menyokong mana-mana agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif menentang inovasi akar umbi di negara ini.

Terbaharu, Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (Macri) dengan kerjasama MOSTI serta agensi-agensinya di bawahnya akan menganjurkan program Bazar Inovasi dan Forum bertajuk *Pasaran Dinamik Untuk Usahawan Inovatif dan Idea Kreatif*.

Bazar Inovasi diadakan adalah bagi memenuhi hasrat kerajaan dalam membangunkan budaya inovasi serta mengembangkan produk-produk inovasi tersebut.

Selain itu, program tersebut bertujuan untuk mempromosi kreativiti dan inovasi menerusi bengkel, latihan dan program-program lain berunsurkan ilmu pengetahuan.

Seterusnya mencipta lebih banyak landasan dan kawasan untuk para pereka untuk memapar dan mendedahkan idea-idea mereka serta membantu mereka untuk menentang idea sehingga ke tahap memasarkan produk inovasi yang dihasilkan.

Diadakan di bangunan Platinum Sentral Kuala Lumpur (Platinum Sentral KL) bazar tersebut bakal diadakan pada setiap bulan dan jika mendapat sambutan program tersebut akan dilaksanakan dengan lebih kerap sehingga setiap minggu.

Jelas Dr. Abu Bakar, pereka cipta tempatan sukar menentang produk inovasi mereka kerana tidak memiliki



**KEKAYAAN** idea rakyat Malaysia terbukti dengan penghasilan pelbagai inovasi yang boleh dikomersialkan.

platform sesuai justeru program Bazar Inovasi yang akan dilaksanakan merupakan antara platform yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

"Bazar Inovasi ini adalah yang pertama diperkenalkan dan dijangka menjadi platform kepada pengeluar produk inovasi mendapatkan maklumat lebih lanjut untuk mendapatkan geran bawah MOSTI serta mengkomersialkan produk mereka," katanya.

Pelbagai aktiviti juga sedang dirancang dan akan dilaksanakan sepanjang program tersebut seperti bengkel dan forum, penciptaan jaringan pemasaran, pelbagai pertandingan, jualan serta demo inovasi dan pelancongan.

Bakal bermula Jun ini, Bazar Inovasi buat kali pertamanya akan diadakan sebulan sekali bazar tersebut berkonsepkan kreativiti, dinamik dan pelbagai platform buat masyarakat pereka cipta.

Penganjur turut membawakan konsep bazar secara terbuka untuk menarik minat lebih ramai orang untuk melawatinya dan

dikendalikan oleh golongan muda dari NGO, kolej-kolej serta universiti seluruh negara.

Antara sasaran pengunjung bazar tersebut adalah pereka cipta dan pencipta dari institusi pengajian tinggi (IPT), organisasi belia, usahawan kecil sederhana (SME) dan usahawan mikro dengan rekaian yang kreatif dan berinovasi.

Sementara itu, MOSTI sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab sentiasa komited untuk mewujudkan produk berinovasi negara yang berimpak tinggi.

Hal demikian diakui Dr. Abu Bakar dengan menawarkan pemberian geran bernilai RM290 juta tahun ini kepada mereka yang layak.

Kementerian berkenaan menyasarkan untuk meluluskan sekurang-kurangnya RM270 juta daripada keseluruhan dana bagi melaksanakan hampir 200 projek menjelang akhir tahun.

"MOSTI menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi menjelang 2020 sebagai

usaha merencanakan aktiviti pengkomersialan produk berinovasi di negara ini.

"Kami yakin sasaran berkenaan mampu direalisasikan menerusi pelancongan Bazar Inovasi yang akan menentang produk inovatif tempatan ke pengetahuan umum, sekali gus menyediakan platform kepada pengusahanya untuk mempromosikan produk mereka.

"Bagi tahun ini saja, sebanyak 12 produk yang dihasilkan menerusi geran yang disediakan MOSTI sudah dikenal pasti mencapai standard tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

Tambah Dr. Abu Bakar, menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10, MOSTI memperuntuk masing-masing dana sejumlah RM2.89 bilion dan RM906 juta bagi menjalankan aktiviti memacu dan membangunkan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta pengkomersialan di negara ini.



**ABU BAKAR MOHAMAD DIAH**



**INOVASI** rakyat Malaysia sewajarnya dipamerkan dan dikomersialkan untuk dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 16 OGOS 2016 (JUMAAT)**

## **EPSK'16 mulakan pelayaran**

### **KUALA TERENGGANU 18**

**Ogos** - Ekspedisi Pelayaran Saintifik Kebangsaan 2016 (EPSK'16) memulakan pelayaran ke Laut China Selatan hari ini dalam misi mengkaji kelestarian ekosistem marin bagi menghadapi perubahan iklim negara yang semakin tidak menentu.

Ekspedisi anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Pusat Hidrografi Nasional, Jabatan Laut Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu akan mengumpul pelbagai data saintifik berhubung fenomena iklim ini.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar berkata, UMT menyediakan prasarana kemudahan pelayaran iaitu kapal penyelidikan milik universiti itu, RV Discovery, selain penyertaan penyelidik universiti berkenaan.

“Ekspedisi ini mengambil masa 45 hari dengan tiga fasa pelayaran iaitu di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor mulai hari ini hingga 29 Ogos, disusuli perairan Sabah (20 September hingga 4 Oktober) dan fasa terakhir di perairan Sarawak (7 Oktober hingga 20 Oktober),” katanya selepas majlis prapelanaran ESPK'16 di sini hari ini.

Seramai 70 penyelidik daripada tujuh pusat kecemerlangan oseanografi dan sains marin dari universiti tempatan akan menumpukan pelbagai data kajian di 100 stesen yang telah dikenal pasti, diketuai Prof. Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Akhir dari UMT.

Hasil akhir diperoleh daripada penyelidikan itu akan digunakan bagi meningkatkan produktiviti negara dan memberi maklumat kepada kerajaan dalam menentukan perancangan pembangunan negara bagi menangani isu lautan kebangsaan.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 19 OGOS 2016 (JUMAAT)



## 2016 National Scientific Expeditionary Voyage Sets Sail Today

KUALA TERENGGANU, Aug 18 (Bernama) -- The 2016 National Scientific Expeditionary Voyage (EPSK'16) today embarked on its mission to the South China Sea with the aim to gather scientific data for their study on the uncertain climate phenomena which had hit the country in recent years.

The expedition organised by the **Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI)** in partnership with the National Hydrographic Centre, the Marine Department of Malaysia and Universiti Malaysia Terengganu (UMT) is being implemented through the National Blue Ocean Strategy (NBOS).

UMT vice-chancellor, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar said the university was providing the infrastructure facility namely the UMT research vessel, RV Discovery and the university's researchers would also participate in the expedition.....